



30 Mac 2018  
30 March 2018  
P.U. (A) 85

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN  
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN  
PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2018

*SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES CORPORATION  
MALAYSIA (APPOINTMENT, PROMOTION AND  
TERMINATION OF SERVICE) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA 1995  
PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA  
MALAYSIA (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN) 2018

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Pemakaian tatacara pelantikan
4. Tafsiran

BAHAGIAN II  
PELANTIKAN

5. Pelantikan mengikut perkhidmatan Perbadanan
6. Pelantikan warganegara sahaja
7. Pelantikan semula seseorang yang telah meletakkan jawatan
8. Pelantikan semula seseorang yang dikehendaki bersara
9. Pelantikan semula seseorang yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja
10. Peminjaman pegawai

BAHAGIAN III  
PENGAMBILAN

11. Tatacara pengambilan

Peraturan

12. Tatacara tapisan
13. Pindaan kelayakan atau syarat bagi urusan pengambilan
14. Kelayakan setaraf
15. Permohonan daripada pegawai
16. Tawaran pelantikan oleh Perbadanan
17. Pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan surat aku janji
18. Tapisan keselamatan
19. Akuan setuju terima

BAHAGIAN IV

TARIKH PELANTIKAN, GAJI PERMULAAN DAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

20. Tarikh pelantikan
21. Tarikh pelantikan tetap bagi pegawai sementara
22. Penentuan gaji permulaan
23. Gaji permulaan bagi kes khas
24. Pergerakan gaji tahunan

BAHAGIAN V

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

25. Tempoh percubaan
26. Syarat pengesahan
27. Tarikh pengesahan

BAHAGIAN VI

KENAIKAN PANGKAT DAN PENANGGUNGAN KERJA

28. Asas kenaikan pangkat
29. Syarat kenaikan pangkat
30. Kenaikan pangkat pegawai yang dalam peminjaman

Peraturan

31. Pengiklanan kekosongan jawatan kenaikan pangkat
32. Tarikh kenaikan pangkat
33. Penentuan gaji kenaikan pangkat
34. Tarikh pergerakan gaji jawatan kenaikan pangkat
35. Penanggungungan kerja
36. Elaun penanggungungan kerja

BAHAGIAN VII

PENAMATAN PERKHIDMATAN DAN PELETAKAN JAWATAN

37. Penamatan perkhidmatan pegawai yang belum disahkan
38. Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal tapisan keselamatan
39. Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal disahkan
40. Kuasa menamatkan perkhidmatan
41. Peluang untuk menunjukkan sebab
42. Notis penamatan perkhidmatan
43. Notis peletakan jawatan
44. Kuat kuasa notis peletakan jawatan
45. Pemendekan notis peletakan jawatan

BAHAGIAN VIII

PELANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

46. Pelantikan pegawai kontrak
47. Penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan pegawai kontrak

BAHAGIAN IX

UMUR

48. Umur dan tarikh lahir
49. Umur persaraan

BAHAGIAN X  
PELBAGAI

Peraturan

50. Kuasa Perbadanan
51. Caruman bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
52. Kecualian dan peralihan

AKTA PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA 1995

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA  
MALAYSIA (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32 Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995 [*Akta 539*], Menteri, selepas berunding dengan Perbadanan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 April 2018.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan perkhidmatan dalam perkhidmatan Perbadanan.

**Pemakaian tatacara pelantikan**

3. (1) Tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini bagi membuat pelantikan ke dalam perkhidmatan Perbadanan di bawah bidang kuasa Perbadanan hendaklah terpakai bagi semua pelantikan tetap, kontrak atau sementara kecuali pertukaran tetap atau apa-apa pelantikan lain yang diputuskan oleh Perbadanan.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “pertukaran tetap” ertinya pelantikan tetap pegawai yang sedang berkhidmat secara peminjaman ke jawatan yang disandang olehnya di mana-mana perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia yang dia dipinjamkan.

**Tafsiran**

4. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa Kenaikan Pangkat” ertinya Jawatankuasa yang dilantik oleh Perbadanan di bawah seksyen 17 Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995 untuk mengesyorkan kenaikan pangkat seseorang pegawai Perbadanan;

“kenaikan pangkat” ertinya peningkatan secara hakiki daripada satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan Perbadanan dengan kelulusan Perbadanan;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 25 Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995;

“lantikan terus” ertinya pelantikan di gred naik pangkat dalam perkhidmatan Perbadanan;

“pegawai” ertinya pegawai yang dilantik mengikut perkhidmatan Perbadanan secara tetap, kontrak atau sementara;

“pelantikan” ertinya pelantikan ke dalam perkhidmatan Perbadanan oleh Perbadanan secara tetap, kontrak atau sementara, termasuklah pelantikan kali pertama dan pelantikan seseorang pegawai yang dipinjamkan daripada mana-mana perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia;

“peminjaman” ertinya pelantikan—

- (a) seseorang pegawai ke mana-mana perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia; atau

(b) seseorang pegawai mana-mana perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia ke Perbadanan,

untuk tempoh masa tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan hakikinya;

“penanggung kerja” berhubung dengan pegawai Perbadanan, ertinya melaksanakan tugas, di samping tugasnya sendiri bagi suatu tempoh yang dinyatakan, suatu jawatan lain yang diluluskan oleh Perbadanan;

“pengamal perubatan berdaftar” ertinya pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

“perkhidmatan awam” ertinya perkhidmatan awam menurut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;

“perkhidmatan Perbadanan” ertinya perkhidmatan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia;

“tapisan keselamatan” ertinya apa-apa tapisan berhubung dengan keselamatan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

## BAHAGIAN II

### PELANTIKAN

#### **Pelantikan mengikut perkhidmatan Perbadanan**

5. (1) Semua pelantikan ke dalam perkhidmatan Perbadanan hendaklah mengikut syarat yang dinyatakan dalam perkhidmatan Perbadanan yang berkuat kuasa pada masa itu.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), jika apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perkhidmatan Perbadanan perlu dipinda, Perbadanan hendaklah terlebih dahulu

mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebelum pindaan tersebut dibuat.

**Pelantikan warganegara sahaja**

6. (1) Semua calon bagi pelantikan ke dalam perkhidmatan Perbadanan mestilah warganegara Malaysia.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Perbadanan boleh, atas alasan kepentingan Perbadanan, membenarkan pelantikan seseorang yang bukan warganegara secara kontrak dan peruntukan dalam Bahagian VIII hendaklah terpakai bagi pegawai itu.

**Pelantikan semula seseorang yang telah meletakkan jawatan**

7. Seseorang yang telah meletakkan jawatan dalam perkhidmatan Perbadanan boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Perbadanan dengan pertimbangan dan kelulusan Perbadanan.

**Pelantikan semula seseorang yang dikehendaki bersara**

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3) dan (4), seseorang yang dikehendaki bersara daripada perkhidmatan Perbadanan boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Perbadanan secara kontrak.

(2) Dalam peraturan ini, “dikehendaki bersara” ertinya persaraan atas sebab tidak sihat, persaraan kerana dilantik memasuki pertubuhan atau persaraan atas keputusan Kerajaan mengikut undang-undang pencen yang berkuat kuasa.

(3) Seseorang yang telah dibersarakan daripada perkhidmatan Perbadanan atas sebab tidak sihat boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Perbadanan jika dia disahkan sihat dari segi perubatan dan berkeupayaan melaksanakan tugas dengan memuaskannya oleh suatu panel perubatan yang ditubuhkan atas permintaan Perbadanan.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), panel perubatan itu hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pengamal perubatan berdaftar, yang salah seorang daripada mereka ialah pakar dalam penyakit yang pernah dihidapi oleh pesara itu.

### **Pelantikan semula seseorang yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja**

9. Seseorang yang telah ditamatkan daripada perkhidmatan Perbadanan atau dibuang kerja tidak boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Perbadanan kecuali dengan kebenaran khas Perbadanan.

### **Peminjaman pegawai**

10. (1) Pegawai yang dilantik secara tetap boleh, dengan persetujuannya, persetujuan Ketua Pegawai Eksekutif dan dengan kelulusan Perbadanan, dipinjamkan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan kepada mana-mana perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

(2) Pegawai bagi mana-mana perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia yang dilantik secara tetap boleh, dengan persetujuannya, persetujuan Ketua Jabatan mana-mana perkhidmatan awam dan dengan kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dipinjamkan kepada Perbadanan.

(3) Pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia boleh mempertimbangkan seseorang pegawai pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia untuk dipinjamkan kepada Perbadanan, tertakluk kepada persetujuan pegawai itu, pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia tersebut dan Perbadanan.

BAHAGIAN III  
PENGAMBILAN

**Tatacara pengambilan**

11. (1) Apa-apa pengambilan ke dalam perkhidmatan Perbadanan hendaklah diiklankan dalam media cetak atau media elektronik.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), iklan itu hendaklah menyatakan, antara lain—

(a) nama jawatan dan taraf pelantikan;

(b) butiran gaji;

(c) kelayakan akademik dan kelayakan lain yang dikehendaki;

(d) taraf kewarganegaraan pemohon;

(e) tarikh tutup permohonan; dan

(f) alamat ke mana permohonan patut dikirimkan.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Perbadanan boleh menggunakan apa-apa cara lain yang difikirkannya sesuai untuk mengiklankan pengambilan.

**Tatacara tapisan**

12. Perbadanan boleh melaksanakan tatacara tapisan mengikut profil atau tatacara tapisan lain yang sesuai bagi maksud mendapatkan calon yang terbaik untuk dilantik ke dalam perkhidmatan Perbadanan.

**Pindaan kelayakan atau syarat bagi urusan pengambilan**

13. Jika kelayakan atau syarat dalam perkhidmatan Perbadanan bagi jawatan kosong itu perlu dipinda bagi urusan pengambilan itu, Perbadanan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

**Kelayakan setaraf**

14. Jika timbul apa-apa keraguan dalam perkhidmatan Perbadanan atau iklan bagi mana-mana kekosongan tentang maksud kelayakan yang diiktiraf sebagai setaraf dengan bidang yang dikehendaki dalam perkhidmatan Perbadanan, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Perbadanan, secara bertulis, untuk penentuan.

**Permohonan daripada pegawai**

15. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia boleh dikemukakan melalui ketua jabatan bagi perkhidmatan awam, ketua bagi pihak berkuasa berkanun, atau ketua mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia masing-masing, kepada Perbadanan.

**Tawaran pelantikan oleh Perbadanan**

16. (1) Perbadanan hendaklah membuat tawaran pelantikan kepada calon yang berjaya melalui Ketua Pegawai Eksekutif dengan surat pelantikan.

(2) Perbadanan juga hendaklah memaklumkan calon yang tidak berjaya mendapat tawaran pelantikan.

(3) Tiap-tiap surat tawaran pelantikan hendaklah menyatakan maklumat perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

**Pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan surat aku janji**

17. (1) Tiap-tiap calon yang akan dilantik ke dalam perkhidmatan Perbadanan hendaklah mematuhi syarat pelantikan yang berikut:

(a) calon itu hendaklah diperiksa dan diperakukan sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan

(b) calon itu hendaklah membuat suatu akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*] bahawa dia—

- (i) tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- (ii) tidak pernah dibuang kerja;
- (iii) bukannya penagih dadah;
- (iv) tidak memiliki kewarganegaraan asing;
- (v) bukan seorang bankrap;
- (vi) tidak pernah dibersarakan atas sebab tidak sihat; dan
- (vii) tidak pernah ditamatkan perkhidmatan daripada perkhidmatan awam.

(2) Perbadanan boleh menentukan apa-apa akuan lain selain akuan yang diperuntukkan dalam perenggan (1)(b), jika perlu.

(3) Tiap-tiap calon itu hendaklah menandatangani surat aku janji sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan bahawa dia akan mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*] dan Perintah-Perintah Am, pekeliling, surat pekeliling, peraturan-peraturan dan arahan lain yang berkuat kuasa atas perkhidmatan awam dan yang diterima pakai oleh Perbadanan sepanjang perkhidmatannya dalam perkhidmatan Perbadanan.

(4) Perbadanan boleh membatalkan tawaran pelantikan jika calon itu didapati tidak sihat setelah diperiksa mengikut perenggan (1)(a) atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan subperaturan (3).

(5) Bagi maksud subperaturan (4), mana-mana calon yang telah mula berkhidmat boleh dibayar apa-apa emolumen bagi tempoh perkhidmatannya.

(6) Bagi maksud pelantikan di bawah subperaturan 6(2), syarat di bawah subperenggan (1)(b)(iv) dan (vii) tidak terpakai bagi calon itu.

(7) Walau apa pun perenggan (1)(a), Perbadanan boleh mengarahkan pegawai yang sedang berkhidmat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan atau mengemukakan laporan kesihatan yang diperakukan oleh pengamal perubatan berdaftar jika Perbadanan berpandangan bahawa ia perlu bagi perkhidmatan.

### **Tapisan keselamatan**

18. Pegawai yang dilantik untuk kali pertama dikehendaki lulus tapisan keselamatan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

### **Akuan setuju terima**

19. Calon hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan akuan setuju terima tawaran pelantikan bersama dengan perakuan oleh pengamal perubatan berdaftar, akuan berkanun dan surat aku janji yang dikehendaki, masing-masing di bawah subperaturan 17(1) dan (3).

## **BAHAGIAN IV**

### **TARIKH PELANTIKAN, GAJI PERMULAAN DAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

#### **Tarikh pelantikan**

20. (1) Tarikh pelantikan seseorang pegawai ke dalam perkhidmatan Perbadanan ialah tarikh dia melaporkan diri untuk bertugas, melainkan ditentukan selainnya oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan tidak boleh menerima mana-mana pegawai yang melaporkan diri untuk bertugas jika pegawai itu belum mematuhi syarat pelantikan di bawah subperaturan 17(1).

(3) Bagi maksud subperaturan (2), pegawai itu masih tertakluk kepada tempoh maksimum melaporkan diri untuk bertugas sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dalam surat tawaran pelantikan.

### **Tarikh pelantikan tetap bagi pegawai sementara**

21. Jika seseorang pegawai sementara yang mematuhi semua syarat yang dinyatakan bagi perkhidmatan Perbadanan dilantik untuk mengisi mana-mana jawatan tetap yang kosong dalam perkhidmatan Perbadanan itu, tarikh pelantikan pegawai itu ke jawatan tetap tersebut adalah pada tarikh Perbadanan bermesyuarat dan meluluskan pelantikan tetap itu.

### **Penentuan gaji permulaan**

22. (1) Perbadanan hendaklah menentukan gaji permulaan seseorang pegawai sebagaimana yang dinyatakan dalam perkhidmatan Perbadanan.

(2) Jika seseorang pegawai yang akan dilantik untuk kali pertama memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan yang akan disandangnya, dia boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi.

(3) Jika Perbadanan mempertimbangkan gaji permulaan yang lebih tinggi di bawah subperaturan (2), penentuan gaji yang lebih tinggi itu hendaklah berdasarkan peratusan tertentu pada gaji semasa, terhad kepada gaji maksimum di gred jawatan tersebut.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), Perbadanan mempunyai budi bicara untuk menentukan peratusan bagi menentukan gaji permulaan yang lebih tinggi.

(5) Pengalaman kerja yang dianggap berkaitan bagi seseorang pegawai dalam Kumpulan Eksekutif dan Bukan Eksekutif ialah pengalaman kerja yang diperolehi selepas pegawai itu mendapat kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam perkhidmatan Perbadanan.

(6) Bagi maksud subperaturan (5)—

(a) “Kumpulan Eksekutif” ertinya kategori pegawai yang dilantik pada Gred 4 hingga Gred 8 perkhidmatan Perbadanan; dan

(b) “Kumpulan Bukan Eksekutif” ertinya kategori pegawai yang dilantik pada Gred 9 hingga Gred 15 perkhidmatan Perbadanan.

(7) Gaji permulaan pegawai yang dilantik untuk kali pertama secara lantikan terus adalah berdasarkan mata gaji minimum jawatan itu, atau gaji yang lebih tinggi dan hendaklah berdasarkan peratusan kenaikan gaji tertentu, terhadap kepada gaji maksimum jawatan itu, tertakluk kepada kelulusan Perbadanan.

### **Gaji permulaan bagi kes khas**

23. Walau apa pun peraturan 22, Perbadanan boleh menentukan bahawa gaji permulaan bagi seseorang pegawai adalah pada mana-mana mata gaji atau suatu amaun gaji tertentu bagi suatu jawatan tertentu setelah mengambil kira—

(a) kelayakan khas atau bakat pegawai itu; atau

(b) hal keadaan khas sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan berhubung dengan pelantikan pegawai itu.

### **Pergerakan gaji tahunan**

24. (1) Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai lantikan tetap adalah pada 1 Januari tahun berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat tempoh perkhidmatan.

(2) Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai yang dalam tempoh peminjaman hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(3) Pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai hendaklah berasaskan pencapaian kerja tahunan pegawai itu atau apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

## BAHAGIAN V

## TEMPOH PERCUBAAN DAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

**Tempoh percubaan**

25. (1) Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam percubaan bagi tempoh enam bulan hingga dua belas bulan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Perbadanan boleh, dalam hal keadaan khas, memendekkan tempoh percubaan seseorang pegawai atau mengecualikan pegawai daripada tempoh percubaan.

**Syarat pengesahan**

26. (1) Pegawai yang dalam percubaan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam perkhidmatan Perbadanan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa adalah layak disahkan dalam perkhidmatan Perbadanan oleh Perbadanan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Pengarah Bahagian Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan suatu borang sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, sama ada memperakukan atau tidak memperakukan pengesahan seseorang pegawai itu dalam perkhidmatan Perbadanan.

(3) Jika seseorang pegawai diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan Perbadanan, Pengarah Bahagian Perbadanan hendaklah mengemukakan perakuan kepada Perbadanan dalam suatu borang sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dalam tempoh satu bulan dari tarikh pegawai itu layak diperakukan untuk pengesahan, dengan syarat perakuan itu dikemukakan dalam tempoh percubaan.

(4) Jika seseorang pegawai tidak diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan Perbadanan, Pengarah Bahagian Perbadanan hendaklah mengemukakan perakuan kepada Perbadanan dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan untuk tidak mengesahkan pegawai itu dalam perkhidmatan Perbadanan.

### **Tarikh pengesahan**

27. (1) Tarikh pengesahan dalam perkhidmatan seseorang pegawai adalah pada hari pertama selepas tarikh pegawai itu mematuhi semua syarat yang ditetapkan bagi pengesahan.

(2) Seseorang pegawai hendaklah disifatkan berada dalam percubaan sehinggalah pegawai itu disahkan dalam perkhidmatan oleh Perbadanan, walaupun pegawai itu telah mematuhi semua syarat yang ditetapkan bagi pengesahan.

## **BAHAGIAN VI**

### **KENAIKAN PANGKAT DAN PENANGGUNGAN KERJA**

#### **Asas kenaikan pangkat**

28. (1) Kenaikan pangkat seseorang pegawai adalah berasaskan merit.

(2) Tiap-tiap calon yang layak dikehendaki menjalani suatu temu duga.

(3) Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai bagi kenaikan pangkat, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat hendaklah mengambil kira—

(a) kecekapan dan prestasi kerja pegawai itu;

(b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai itu;

(c) sifat-sifat peribadi pegawai itu, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, integriti, potensi dan kepimpinan;

(d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat; dan

(e) keputusan temu duga.

(4) Sebagai tambahan kepada perkara yang dinyatakan dalam subperaturan (3), Jawatankuasa Kenaikan Pangkat boleh mempertimbangkan apa-apa aspek lain yang difikirkannya berkaitan.

### **Syarat kenaikan pangkat**

29. Walau apa pun peraturan 28, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika pegawai itu telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam perkhidmatan Perbadanan dan jika terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perkhidmatan Perbadanan.

### **Kenaikan pangkat pegawai yang dalam peminjaman**

30. Jika seseorang pegawai dalam peminjaman mengikut subperaturan 10(1) telah mematuhi semua syarat bagi kenaikan pangkat, pegawai itu hendaklah dipertimbangkan dalam apa-apa urusan kenaikan pangkat yang dibuat berhubung dengan perkhidmatan Perbadanan hakikinya.

### **Pengiklilan kekosongan jawatan kenaikan pangkat**

31. (1) Jika Perbadanan berpendapat bahawa sesuatu kekosongan jawatan kenaikan pangkat hendaklah diisi, Perbadanan hendaklah mengiklankan kekosongan itu melalui apa-apa kaedah sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Perbadanan boleh menetapkan apa-apa syarat tambahan agar memperoleh bilangan yang lebih munasabah pegawai berkelayakan yang bersesuaian.

### **Tarikh kenaikan pangkat**

32. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), tarikh kenaikan pangkat seseorang pegawai ialah tarikh yang ditentukan Perbadanan dan tarikh yang ditentukan tidak boleh lebih awal dari tarikh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat bersidang.

(2) Bagi kenaikan pangkat ke gred, tarikh kenaikan pangkat itu tidak boleh lebih awal dari tarikh kekosongan jawatan.

(3) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan, tarikh kenaikan pangkat itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh kekosongan jawatan hakiki itu.

(4) Bagi maksud peraturan ini—

(a) “kenaikan pangkat ke gred” ialah kenaikan pangkat ke mana-mana gred dalam Perbadanan; dan

(b) “kenaikan pangkat ke jawatan” ialah kenaikan pangkat ke mana-mana jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

(5) Bagi maksud perenggan 4(b), “Kumpulan Pengurusan Tertinggi” ertinya suatu kumpulan yang terdiri daripada pegawai yang memegang jawatan Gred 1 hingga Gred 3 dalam Perbadanan.

#### **Penentuan gaji kenaikan pangkat**

33. (1) Gaji permulaan yang diterima oleh seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah lebih tinggi daripada gaji akhir yang diterima dalam gred terdahulu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1)—

(a) jika gaji akhir gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat, pegawai itu hendaklah dibayar gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat itu; dan

(b) jika gaji akhir dalam gred terdahulu sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat, pegawai itu hendaklah dibayar gaji pada suatu peratusan gaji yang lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat.

#### **Tarikh pergerakan gaji jawatan kenaikan pangkat**

34. Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah ditentukan mengikut peraturan 24.

**Penanggungungan kerja**

35. Seseorang pegawai boleh, apabila dikehendaki demi kepentingan perkhidmatan dan tertakluk kepada kelulusan Perbadanan, diarah menanggung kerja tugas jawatan lain.

**Elaun penanggungungan kerja**

36. Pegawai yang telah diluluskan menanggung kerja tugas jawatan lain layak dibayar elaun penanggungungan kerja mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 47 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [*P.U. (A) 1/2012*].

## BAHAGIAN VII

## PENAMATAN PERKHIDMATAN DAN PELETAKAN JAWATAN

**Penamatan perkhidmatan pegawai yang belum disahkan**

37. Perbadanan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatannya jika pegawai itu telah—

- (a) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam borang pemeriksaan perubatan;
- (b) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang penglibatannya dalam apa-apa aktiviti yang melanggar undang-undang;
- (c) membuat akuan palsu dalam akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 17(1)(b) atau akuan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh subperaturan 17(2);
- (d) gagal mematuhi kehendak dalam subperaturan 17(3); atau
- (e) meminda atau memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya.

### **Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal tapisan keselamatan**

38. (1) Perbadanan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatannya jika pegawai itu gagal tapisan keselamatan.

(2) Perkhidmatan seseorang pegawai yang gagal tapisan keselamatan setelah disahkan dalam perkhidmatan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Pindaan Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Bagi Pegawai Yang Dilantik Dalam Perkhidmatan Awam (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011) berhubung dengan pindaan pelaksanaan tapisan keselamatan bagi pegawai yang dilantik dalam perkhidmatan awam.

### **Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal disahkan**

39. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Perbadanan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai dalam percubaan pada pelantikan pertama yang telah gagal untuk disahkan dalam perkhidmatan semasa tempoh percubaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pegawai boleh ditamatkan perkhidmatannya jika dia gagal dalam kursus atau latihan yang disyaratkan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

(3) Bagi maksud subperaturan (1), “pelantikan pertama” ertinya pelantikan kali pertama ke dalam perkhidmatan Perbadanan atau pelantikan semula seseorang pegawai mengikut peraturan 7, 8 dan 9.

### **Kuasa menamatkan perkhidmatan**

40. Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai di bawah peraturan 37, 38 dan 39.

### **Peluang untuk menunjukkan sebab**

41. Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah peraturan 37, 38 dan 39 melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab, mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

### **Notis penamatan perkhidmatan**

42. (1) Perbadanan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai selepas memberinya suatu notis bertulis atau sebulan gaji sebagai ganti notis jika—

- (a) pegawai itu tidak memberi jawapan kepada notis untuk menunjukkan sebab di bawah peraturan 41 dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- (b) Perbadanan berpuas hati bahawa tiada sebab yang munasabah wujud untuk tidak menamatkan perkhidmatan pegawai itu.

(2) Bagi maksud peraturan 37, 38 dan 39, tempoh notis bertulis yang dinyatakan dalam subperaturan (1) ialah tiga puluh hari.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bagi pegawai yang dilantik selain pelantikan tetap, tempoh notis bertulis itu hendaklah—

- (a) mengikut syarat pelantikan pegawai itu; atau
- (b) jika tempoh itu tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikannya, tiga puluh hari.

### **Notis peletakan jawatan**

43. (1) Tertakluk kepada peraturan 45, seseorang pegawai yang berhasrat untuk meletakkan jawatan hendaklah mengemukakan notis bertulis—

- (a) bagi pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan, tiga puluh hari sebelum peletakan jawatan itu berkuat kuasa atau sebulan gaji sebagai ganti notis;
- (b) bagi pegawai yang dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan, tiga bulan sebelum peletakan jawatan itu berkuat kuasa atau sebulan gaji sebagai ganti notis; dan

(c) bagi pegawai yang dilantik selain secara tetap, mengikut syarat pelantikan pegawai itu atau jika tempoh itu tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikannya, tiga puluh hari sebelum peletakan jawatan itu berkuat kuasa atau sebulan gaji sebagai ganti notis.

(2) Jika pegawai mengemukakan notis meletakkan jawatan dua puluh empat jam, pegawai tersebut dikehendaki membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.

(3) Notis peletakan jawatan itu hendaklah dihantar oleh pegawai itu kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mengeluarkan akuan terima kepada pegawai itu.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah kemudiannya merekodkan peletakan jawatan pegawai itu ke dalam rekod perkhidmatan pegawai itu.

#### **Kuat kuasa notis peletakan jawatan**

44. (1) Setiap peletakan jawatan hendaklah berkuat kuasa pada hari yang berikutnya selepas hari yang tempoh notis diberikan oleh pegawai itu tamat.

(2) Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa tidak boleh ditarik balik.

#### **Pemendekan notis peletakan jawatan**

45. Ketua Pegawai Eksekutif boleh membenarkan tempoh notis peletakan jawatan mana-mana pegawai dipendekkan atas mana-mana sebab yang berikut:

(a) pegawai itu ditawarkan pelantikan ke mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam, pihak berkuasa berkanun atau mana-mana organisasi dalam atau di luar Malaysia;

(b) pegawai itu atau pasangannya, anak atau ibu bapa pegawai itu menghadapi masalah kesihatan;

- (c) pegawai itu menghadiri kursus atau latihan; atau
- (d) apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

## BAHAGIAN VIII PELANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

### **Pelantikan pegawai kontrak**

46. (1) Walau apa pun Bahagian II, Perbadanan boleh melantik seseorang pegawai secara kontrak tertakluk kepada dasar dan tatacara Perbadanan.

(2) Dasar dan tatacara pelantikan bagi pegawai kontrak hendaklah mengikut peraturan-peraturan dan arahan pentadbiran yang sedang berkuat kuasa.

### **Penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan pegawai kontrak**

47. Subperaturan 42(3) dan perenggan 43(1)(c) hendaklah terpakai bagi penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan, masing-masing, seseorang pegawai yang dilantik secara kontrak.

## BAHAGIAN IX UMUR

### **Umur dan tarikh lahir**

48. (1) Jika perkhidmatan Perbadanan menetapkan keperluan umur, maka umur yang dimaksudkan itu ialah umur mengikut kalender Gregorian.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), umur seseorang itu ditentukan mengikut peruntukan yang berikut:

- (a) jika tarikh lahir sebenar diketahui, umur hendaklah mengikut tarikh itu;
- (b) jika hanya bulan yang diketahui, hari terakhir dalam bulan itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh lahir;

- (c) jika hanya tahun yang diketahui, 31 Disember tahun itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh lahir;
- (d) jika tarikh lahir ialah 29 Februari, maka ulang tahun tarikh lahir orang itu bagi tahun yang tidak mempunyai tarikh 29 Februari hendaklah dianggap pada 1 Mac.

### **Umur persaraan**

49. Umur persaraan bagi seseorang pegawai adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [*Akta 753*].

## **BAHAGIAN X**

### **PELBAGAI**

### **Kuasa Perbadanan**

50. (1) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, secara bertulis, mewakili kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada mana-mana pegawai yang difikirkan perlu.

(2) Perbadanan boleh mengeluarkan garis panduan untuk menjelaskan mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

### **Caruman bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**

51. (1) Seseorang pegawai yang dilantik oleh Perbadanan hendaklah mencarum dalam Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*].

(2) Pelantikan seseorang pegawai di bawah skim pelantikan terdahulu di Perbadanan ke perkhidmatan Perbadanan secara tetap tidak menjejaskan taraf berpencen mengikut undang-undang pencen yang sedang berkuat kuasa.

(3) Bagi maksud peraturan ini, "skim pelantikan terdahulu" ertinya skim bagi Sistem Saraan Malaysia.

**Kecualian dan peralihan**

52. (1) Tiada apa-apa jua pun dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh kesahihan dan kuat kuasa apa-apa keputusan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Perintah Am dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam berkaitan, yang terdahulu dan semasa, dan keputusan itu hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun apa-apa jua yang tidak konsisten atau bertentangan dengan apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Semua perkara dan prosiding yang masih belum selesai di hadapan Perbadanan sebelum berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini, hendaklah terus diuruskan mengikut peraturan-peraturan perkhidmatan awam berkaitan yang berkuat kuasa pada masa itu seolah-olah Perbadanan menerima pakai peraturan-peraturan itu.

(3) Apa-apa garis panduan yang telah dikeluarkan sebelum berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus terpakai selagi ia tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 20 Mac 2018  
[MITI(S).600-1/2/3; PN(PU2)743]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES CORPORATION MALAYSIA ACT 1995  
SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES CORPORATION MALAYSIA (APPOINTMENT,  
PROMOTION AND TERMINATION OF SERVICE) REGULATIONS 2018

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I  
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Application of appointment procedures
4. Interpretation

PART II  
APPOINTMENT

5. Appointment in accordance with the Corporation service
6. Appointment of citizens only
7. Reappointment of a person who has resigned
8. Reappointment of a person who has been required to retire
9. Reappointment of a person whose service has been terminated or who has been dismissed
10. Secondment of an officer

PART III  
RECRUITMENT

11. Recruitment procedures

Regulation

12. Vetting procedures
13. Amendment of qualifications or conditions for recruitment exercise
14. Equivalent qualifications
15. Application from an officer
16. Offer of appointment by the Corporation
17. Health examination, statutory declaration and letter of undertaking
18. Security vetting
19. Acknowledgement of acceptance

PART IV

DATE OF APPOINTMENT, INITIAL SALARY AND ANNUAL SALARY MOVEMENT

20. Date of appointment
21. Date of permanent appointment for a temporary officer
